

MIC-MAHATHIR

1982

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN PARA PEMIMPIN KERAJAAN DARI PERINGKAT MENTERI HINGGA KE PEGAWAI-PEGAWAI MENGENALPASTI SEMUA MASALAH DENGAN LEBIH DEKAT DAN TERPERINCI.

MEREKA HENDAKLAH MENGGUNAKAN AKAL FIKIRAN SERTA TENAGA BAGI MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG WUJUD DALAM MENCAPAI HABRAT KERAJAAN BERGIH, CEKAP DAN AMANAH, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-30 MIC DI SINI.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA SESEORANG MENTERI ATAU PEGAWAI TIDAK MUNGKIN DAPAT MENGENALPASTI MASALAH JIKA BELIAU SENTIASA BERADA DI DALAM BILIK PEJABAT DAN HANYA MEMENTINGKAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI "VIP" SEMATA-MATA.

MEREKA TIDAK AKAN MENGENAL ATAU MENYELESAIKAN MASALAH JIKA MEREKA HANYA MAHU MENGGUNAKAN KHIDMAT KEUTAMAAN DAN TIDAK SANGGUP MENGGUNAKAN KHIDMAT DAN KEMUDAHAN RAKYAT BIASA.

"KITA TIDAK AKAN DAPAT MENGATASI MASALAH BEKIRANYA KITA MENGASINGKAN DIRI DARIPADA SISTEM YANG DILAKSANAKAN BAGI ORANG-RAMAI WALAUPUN KITA LANTANG MENGELUARKAN SLOGAN-SLOGAN MEMPERJUANGKAN NASIB RAKYAT," TEGASNYA.

-- LAGI 1155/LK

B5111

MIC-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN INGIN MEWUJUDKAN SISTEM YANG TERBAIK BUKAN SAHAJA UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK UNTUK ORANG KENAKAAN MALAHAN BAGI KESELURUHAN RAKYAT.

BELIAU MEMBERI AMARAN SESIAPA YANG BERTINDAK UNTUK MEWUJUDKAN SISTEM MEREKA SENDIRI IALAH MUSUH KEPADA KERAJAAN BERGIH, CEKAP DAN AMANAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KONSEP KERAJAAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH PERLU DIKETAHUI DENGAN JELAS DAN DIULANG SEHINGGA MENJADI SEBAHAGIAN DARI NILAI HIDUP RAKYAT NEGARA INI.

MENURUTNYA, SESUATU SISTEM BOLEH MENJADI ROSAK KERANA ADA PIHAK-PIHAK YANG INGIN MENGGUNAKAN SISTEM TERSEBUT UNTUK KEPENTINGAN MEREKA DAN TIDAK MEMPERHITUNGKAN NASIB ORANG LAIN.

SERINGKALI BERLAKU SESEORANG YANG MEMPUYAI KEDUDUKAN TERMASUK PENYOKONG PARTI YANG MENGANGGAP DIRI MEREKA TERKECUALI DARI PERATURAN DAN TATACARA HINGGA PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERTUGAS MERASA BEGITU TERANCAM JIKA TIDAK MEMBERIKAN MEREKA LAYANAN ISTINIEWA, KATA BELIAU.

''ADA PULA YANG BEGITU ANGKUH DENGAN KEDUDUKAN HINGGA SANGGUP MELAKUKAN SESUATU YANG MELANGGAR PERATURAN SEPERTI PERATURAN JALANRAYA.'' KATA BELIAU.

-- LAGI 1206/LK

B512:

MIC-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEPATUTNYA SEMUA PIHAK MEMBERI KERJASAMA BAGI MEMUDAHKAN PERLAKSANAAN KERAJAAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DAN MERASA BANGGA KERANA DAPAT MEMBERI SUMBANGAN KEPADANYA, KATA BELIAU.

BERCAKAP MENGENAI USAHA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN, BELIAU BERKATA SELURUH SISTEM KERAJAAN HENDAKLAH MEMBERI KEUTAKAAN KEPADA PENJIMATAN DI SEMUA BIDANG KERAJA.

INI KERANA PEMBAZIRAN, SAMA ADA DARI SEGI PERBELANJAAN, PENGGUNAAN PERALATAN, TENAGA DAN LAIN-LAIN HANYA SEPERTI MEMBUANG WANG DAN TENAGA DENGAN SIA-SIA.

''KITA MAHUKAN USAHA DAN AMALAN YANG BAIK MENJADI CARA HIDUP KITA IAITU SELARAS DENGAN SATU BANGSA YANG MULIA,'' TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BETAPA PERLUNYA DITEKANKAN KEPADA MUTU DAN HASIL USAHA YANG DIJALANKAN. DALAM DUNIA SERBA MODEN SEKARANG, PENGELUARAN ATAU PERKHIDMATAN YANG TIDAK BERMUTU TIDAK AKAN DAPAT KE MANA-MANA.

''ITULAH BEBABNYA KITA MAHUKAN DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI, KITA MAHU HASIL KERJA BERMUTU TINGGI DAN KITA TIDAK MAHU APA-APA JUGA PEMBAZIRAN.'' KATA BELIAU.

-- LAGI 1223/LK

MIC-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

''BAGI MENCAPAI SEMUA INI, KITA PERLUKAN SIKAP POSITIF IAITU SIKAP YANG MENJADI DISIPLIN BARU BAGI RAKYAT MALAYSIA, TIDAK MENGIRA WARNA KULIT DAN PKEPERCAYAAN,'' KATANYA.

JIKA PERUBAHAN SIKAP TERSEBUT DAPAT DICAPAI, IA AKAN MENJADI JAMINAN JANGKA PANJANG BAGI GENERASI AKAN DATANG, TAMBAHNYA.

MENURUT LERDANA MENTERI FAKTUR PENGGERAK KEPADA USAHA TERSEBUT IALAH KEYAKINAN RAKYAT.

''KITA MESTI MENGUBAH SIKAP KITA WALAUPUN ADA MEREKA YANG INGIN MENGELIRUAKAN KITA DENGAN POLITIK SEMPIT DAN MEMANCIING UNDI,'' KATANYA.

BELIAU MENINGGATKAN PARTI-PARTI KOMPONENEN BARISAN NASIONAL BAHAWA SESUATU KEBAHAGIAAN TIDAK MUNGKIN MENCAPAI TANPA PENGORBANAN DAN PENGORBANAN PALING MULIA IALAH BAGI MENJADIN MASA DEPAN NEGARA.

-- BERNAMA 1232/LK